

PANDUAN DAN PERATURAN MENGEMBANGKAN PROGRAM-PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN YANG DITAULIAHKAN OLEH JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK), KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA, MALAYSIA DI PERINGKAT ANTARABANGSA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Panduan dan peraturan-peraturan ini adalah bertujuan untuk melaksanakan program latihan kemahiran JPK di peringkat antarabangsa.

2.0 MULA BERKUATKUASA

- 2.1 Panduan dan peraturan ini mula berkuatkuasa pada **1 Julai 2006**.

3.0 LATAR BELAKANG

- 3.1 Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) telah ditubuhkan pada 1 Mei 1989 sebagai badan penyelaras perancangan dan pembangunan latihan vokasional kebangsaan serta fokus utama bagi aktiviti-aktiviti latihan vokasional dan perindustrian. MLVK diwujudkan melalui penyusunan semula Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan (LLPPKK) yang wujud sejak tahun 1971 lagi. Tujuan utama penubuhan MLVK adalah untuk memastikan keberkesanan pembangunan tenaga kerja mahir yang bersesuaian dengan objektif dan strategi pembangunan kemahiran untuk keperluan industri negara. Pada 1 September 2006, Akta Pembangunan Kemahiran kebangsaan 2006 [akta 652] telah dikuatkuasakan maka nama Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) telah bertukar kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

3.2 Sejak penubuhannya, JPK telah memainkan peranan utama dalam perkembangan latihan kemahiran negara melalui pembangunan **Standard Pekerjaan Kemahiran Kebangsaan (*National Occupational Skill Standard, NOSS*)** yang merupakan spesifikasi kompetensi yang perlu dimiliki oleh pekerja mahir negara. Sejumlah 839 NOSS telah diwujudkan untuk peluang pekerjaan yang merangkumi sektor-sektor industri utama negara. Sehubungan dengan itu, JPK adalah bertanggungjawab kepada Persijilan Kemahiran Malaysia dan menganugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1, 2 dan 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) kepada pelatih dan pekerja yang berjaya memenuhi keperluan NOSS. Mulai tahun 1993, JPK telah memperkenalkan Sistem Pentaullahan untuk menjamin kualiti perkhidmatan penyedia latihan.

3.3 Selaras dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan dan Latihan Vokasional di peringkat antarabangsa, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 2 Disember 2005 telah meluluskan cadangan mengembangkan program-program latihan kemahiran yang ditauliahkan oleh JPK ke peringkat antarabangsa.

4.0 TAFSIRAN

4.1 Dalam Peraturan-Peraturan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut:-

"Daftar Standard" ertinya satu dokumen yang menyenaraikan tajuk-tajuk pekerjaan bagi semua SKPK yang telah diluluskan oleh JPK;

"Pentaullahan" ertinya suatu tatacara yang Ketua Pengarah menilai dan meluluskan sesuatu program latihan kemahiran;

“Pusat Bertauliah (PB)” ertinya suatu penyedia latihan kemahiran yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliah sehingga kepada penganugerahan suatu sijil;

“Pegawai Penilai (PP)” ertinya seseorang personel yang berkelayakan dalam bidang kemahiran tertentu yang berkhidmat di Pusat Bertauliah dan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan penilaian keterampilan calon;

“Program” ertinya mana-mana satu tajuk pekerjaan untuk satu tahap yang ditetapkan dalam Daftar Standard;

“Sijil” ertinya kelayakan kemahiran yang dianugerahkan oleh Ketua Pengarah JPK iaitu Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) kepada calon yang telah dinilai dan disahkan terampil mengikut *kesemua* keperluan SKPK tertentu.

“Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)” ertinya dokumen yang diluluskan oleh JPK, yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja mahir yang bekerja di Malaysia bagi sesuatu bidang dan tahap pekerjaan.

“Tahap” ertinya tingkatan kemahiran bagi satu bidang pekerjaan dalam Standard, sama ada Tahap 1, 2, 3, Diploma Kemahiran Malaysia atau Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia.

5.0 STANDARD DAN KRITERIA PUSAT BERTAULIAH YANG DILULUSKAN

5.1 Mana-mana Pusat Bertauliah yang berminat menyertai program ini hendaklah memohon kelulusan daripada Ketua Pengarah JPK bagi program latihan kemahiran yang hendak ditawarkan di peringkat antarabangsa. Pusat Bertauliah berkenaan hendaklah memenuhi kriteria yang berikut:

- (a) Mempunyai rekod pencapaian dan prestasi yang baik bagi tempoh sekurang-kurangnya lima (5) tahun;
- (b) Pusat Bertauliah mempunyai modal berbayar tidak kurang daripada RM100,000.00 (Ringgit Malaysia: Seratus Ribu Sahaja);
- (c) Memiliki tenaga pengajar yang mencukupi dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh JPK; dan
- (d) Memiliki prasarana yang lengkap seperti kelengkapan dan peralatan latihan yang mencukupi.
- (e) Bahasa pengantar dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- (f) Tempoh minimum latihan adalah satu tahun.

5.2 Pusat Bertauliah boleh memohon untuk memperluaskan program latihan kemahiran di peringkat antarabangsa melalui dua (2) kaedah berikut:

- (a) Pengambilan pelatih asing dari luar negara oleh Pusat-Pusat Bertauliah JPK untuk mengikuti program latihan kemahiran yang diluluskan oleh JPK ; dan
- (b) Penawaran program latihan kemahiran JPK di luar negara oleh Pusat-Pusat Bertauliah JPK dengan kerjasama Institusi-Institusi Luar Negara.

6.0 SYARAT DAN PROSIDUR PERMOHONAN

6.1 Bagi pengambilan pelatih asing dari luar negara oleh Pusat-Pusat Bertauliah JPK yang diluluskan untuk mengikuti program latihan kemahiran JPK dalam negara, syarat dan prosidur permohonan adalah seperti berikut:-

- (a) Pusat Bertauliah hendaklah memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan sebelum dibenarkan untuk mengambil pelatih asing bagi program yang ditauliahkan oleh JPK.
- (b) Pusat Bertauliah hendaklah mengemukakan Borang JPK PAB/1/2006 yang telah lengkap ke JPK, Kementerian Sumber Manusia.
- (c) Warga asing yang ingin mengikuti pengajian dalam negara dikehendaki memohon pas pelajar melalui Pusat Bertauliah di bawah peruntukan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 atau yang berkenaan.
- (d) Nisbah pelatih antarabangsa dengan pelatih tempatan tidak melebihi **1:3**.
- (e) Mempunyai Unit/Pejabat Hal Ehwal Kebajikan Pelajar Antarabangsa.
- (f) Mempunyai asrama sendiri/mengurus tempat tinggal pelajar di luar kampus dan kemudahan pasarana yang sesuai.
- (g) Pelajar tidak akan bekerja semasa dalam Malaysia, dan akan meninggalkan negara ini sebaik sahaja tamat tempoh pengajian.
- (h) PB hendaklah mengemukakan rekod kehadiran pelajar bila diperlukan pada bila-bila masa.
- (i) Kegagalan mengemukakan rekod kehadiran pelajar membolehkan kelulusan merekrut pelajar antarabangsa ditarik balik pada bila-bila masa.
- (j) PB hendaklah memaklumkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia sekiranya pelajar gagal menghadiri kelas tiga hari berturut-turut tanpa sebarang sebab dan satu salinan dikemukakan ke Bahagian Persijilan (MOSQ), JPK.
- (k) Pusat bertauliah perlu memaklumkan kepada Jabatan Imigresen senarai nama syarikat dan pelatih apabila pelatih menjalankan latihan dalam loji (OJT).

- (l) Menyediakan jaminan bank yang ditetapkan oleh JPK apabila telah mendapat kelulusan menjalankan program antarabangsa.

6.2 Bagi penawaran program latihan kemahiran JPK di luar negara oleh Pusat Bertauliah JPK yang diluluskan, Pusat Bertauliah hendaklah mengemukakan borang JPK PAB/2/2006 kepada JPK yang mengandungi perkara-perkara berikut:

- (a) Maklumat pemilikan pusat latihan di luar negara atau usahasama Pusat Bertauliah JPK dengan pusat latihan di luar negara, merangkumi kaedah operasi dan pengendalian perniagaan yang digunakan.
- (b) Maklumat program latihan yang dipohon termasuk kapasiti, tempoh dan sukatan latihan berkaitan.
- (c) Maklumat penilaian dan jaminan mutu termasuk tenaga pengajar dan personel pentauliahan.
- (d) Maklumat peralatan, mesin dan kemudahan fizikal lain.
- (e) Maklumat tentang prospek dan aspek lain yang boleh menyokong permohonan.
- (f) Mempunyai asrama sendiri/mengurus tempat tinggal pelajar di luar kampus dan kemudahan pasarana yang sesuai.
- (g) Mendapat kelulusan dari kedutaan berkaitan.
- (h) Membuat bayaran yuran proses mengikut kadar yang ditetapkan.
- (i) Menyediakan jaminan bank yang ditetapkan oleh JPK apabila telah mendapat kelulusan penubuhan Pusat Bertauliah untuk menjalankan program antarabangsa.
- (j) Lain-lain proses pembayaran yang ditetapkan oleh JPK.

6.3 Syarat-syarat Tambahan Pengambilan Pelajar Asing dan Penawaran Program Latihan Di Luar negara.

Mematuhi semua peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan Malaysia yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

7.0 MAKLUMAN KEPADA KEDUTAAN NEGARA ASAL PELAJAR ANTARABANGSA

Pusat Bertauliah dikehendaki menghantarkan senarai nama pelajar antarabangsa yang mengandungi nama, alamat penginapan di Malaysia, jantina, nombor passport, nama program, tarikh mula pengajian dan tarikh tamat pengajian kepada kedutaan atau konsulat negara asal pelajar dalam bahasa Inggeris.

8.0 INSURAN PELAJAR ANTARABANGSA

Pusat Bertauliah hendaklah menguruskan insurans untuk pelajar antarabangsa yang merangkumi perkhidmatan kesihatan, kemalangan dan kematian.

9.0 PEMERIKSAAN KESIHATAN

Pelajar antarabangsa dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan di negara asal dan membawa bersama rekod kesihatan tersebut untuk disahkan oleh pegawai perubatan (dokter) di Malaysia.

10.0 LAWATAN PEMERIKSAAN

10.1 Pihak JPK boleh pada bila-bila masa yang munasabah mengadakan Lawatan Pemeriksaan ke premis dan kemudahan pemohon untuk menentusahkan kesahihan bagi semua jenis permohonan.

10.2 Pihak JPK akan melakukan pemeriksaan berpanduan kepada Senarai Semak Permohonan & Lawatan Penilaian.

11.0 KELULUSAN PERMOHONAN

11.1 Selepas menimbangkan sesuatu permohonan, Ketua Pengarah JPK boleh:

- (a) meluluskan permohonan itu dan memberikan perakuan kelulusan kepada Pusat Bertauliah bagi suatu tempoh yang ditetapkan;
- (b) meluluskan permohonan itu, dan memberi perakuan kelulusan kepada Pusat Bertauliah yang berlainan jenis daripada yang dipohon; atau
- (c) menolak permohonan itu, dengan menyatakan alasan bagi penolakan tersebut.